

HARGA :RM30.00
NO. SIRI :



JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

DOKUMEN SEBUT HARGA BAGI

PERKHIDMATAN TANAMAN KAWASAN HUTAN TEROSOT

DI KOMPARTMEN 2, HS GEMAS SELATAN SELUAS ±2.0HA

NO. SEBUT HARGA:
PHN.NS.SH 4-2022

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:
20 April 2022 (Rabu)
Jam 12.00 Tengahari

PERHATIAN

Pembekal yang berminat dinasihatkan agar meneliti dokumen sebutharga ini secara teliti dan terperinci sebelum menyertai sebutharga ini bagi mengelakkan salah tafsiran, keciciran maklumat dan kegagalan untuk menyempurnakan perbekalan yang dikehendaki dan seterusnya menyebabkan pembekal dikenakan penalti/denda atau disenaraihitamkan.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.	Kenyataan Sebut Harga		3-4
2.	Lampiran Q		5-7
3.	Lampiran A	- Arahan Kepada Penyebutharga	8-14
4.	Lampiran B	- Syarat-Syarat Am	15-17
5.	Lampiran C	- Spesifikasi Sebutharga	18-33
6.	Lampiran D	- Surat Akuan Pembida	34
7.	Lampiran E	- Borang Akuan Sebutharga	35-36
8.	Lampiran F	- Jadual Tawaran Harga	37-38
9.	Lampiran G	- Pematuhan Spesifikasi	39
10.	Lampiran H	- Jadual Kadar Keperluan Tenaga dan Kelengkapan	40
11.	Lampiran I	- Keterangan Mengenai Penyebutharga	41-43
14.	Lampiran J	- Pengalaman Syarikat	44
15.	Lampiran K	- Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan (Kontrak Masih Berkuatkuasa)	45
16.	Lampiran L	- Maklumat Tambahan	46
17.	Senarai Semak		47-48



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

TAJUK SEBUTHARGA	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIPEROLEHI	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DAN WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
PHN.NS.SH 4-2022 Perkhidmatan Tanaman Kawasan Hutan Terosot di Kompartmen 2, HS Gemas Selatan seluas ±2.0ha	Dokumen sebutharga boleh dimuat turun di pautan : http://forestry.ns.gov.my mulai 13 April 2022	222104 (Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman / Hutan dan Ladang Hutan) Atau 222105 (Rawatan Hutan)	20 April 2022 (Rabu) Tidak lewat pada jam 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebutharga ini dijual dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja)**. Bayaran hendaklah dibuat secara **PERBANKAN INTERNET SAHAJA** seperti yang berikut:
 - No. Akaun : **8004433398 (CIMB BANK)** atas nama **BENDAHARI NEGERI NS -AKAUN TERIMAAN**
 - Penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengisi maklumat **Kod Bayaran** seperti yang berikut:
 - Rujukan 1: No. Sebutharga **PHN.NS.SH 4-2022**
 - Rujukan 2: Nama Syarikat
 - Slip Bayaran hendaklah dikepilkan bersama-sama dokumen sebutharga sewaktu serahan.
3. Taklimat dan Lawatan tapak akan diadakan (mengikut SOP semasa dengan mengamalkan penjarakkan sosial, menggunakan cecair sanitasi tangan dan

memakai pelitup muka) seperti ketetapan di bawah dan hanya syarikat yang menghadiri lawatan tapak sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen Tawaran Sebut Harga.

Tarikh : 13 April 2022 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi
Tempat Taklimat : Pejabat Renj Gemencheh

4. Tujuan lawatan tapak ini adalah untuk membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga dengan menitikberatkan SOP semasa.
5. Pihak syarikat juga digalakkan menggunakan kenderaan 4x4 untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan hanya **seorang penama syarikat** (wakil tidak dibenarkan) sahaja yang dibenarkan untuk membuat lawatan tapak ini. (Sila bawa cop syarikat bersekali)
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan sebelum atau pada **20 April 2022 pukul 12.00 tengahari**.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebutharga ini boleh menghubungi pegawai berikut :

Encik Nuazri bin Sedik	06-7659875/9849
Puan Norazlin binti Mustafa	06-7659875/9849

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Bertarikh : 6 April 2022

Tarikh Kenyataan Tawaran Sebutharga
ini dikeluarkan: 6 April 2022

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :
PHN.NS.SH 4-2022

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.


Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan (<i>Alamat Lengkap</i>)
.....	
.....	
No. Tel:	Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	No. Telefon: 06-7659849/7659875 Tarikh: 19 April 2022

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini :
222104 (Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman / Hutan dan Ladang Hutan) **atau**
222105 (Rawatan Hutan)

1. Sila beri Sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan : (Sila lihat Arahan kepada Penyebut Harga)
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki :
 - 1.3. Arahan pengiriman : Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan.

- 1.4. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebutharga **No. Sebutharga: PHN.NS.SH 4-2022**
- 1.5. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **20 April 2022 (Rabu) sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari.**
- 1.6. Tempoh sah laku Sebutharga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:

Tandatangan: 

Nama Pegawai: Nuazri bin Sedik

Jawatan: Penolong Pengarah
Silvikultur dan Perlindungan
Hutan

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat- Syarat Khas	Unit Ukuran/Kuantiti	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/ Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebut Harga
1	Perkhidmatan Tanaman Kawasan Hutan Terosot di Kompartmen 2, HS Gemas Selatan seluas ±2.0ha	Seperti di dokumen sebutharga.
(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia):			

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih termasuk kenan caj SST (sila sertakan sijil pendaftaran dengan Jabatan Kastam diRaja Malaysia); dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

PERKHIDMATAN TANAMAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI KOMPARTMEN 2, HS GEMAS SELATAN SELUAS ±2.0HA

Penyebutharga hendaklah mematuhi syarat-syarat ini sepenuhnya apabila menyertai Sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

1. PERIHAL SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **222104** (Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman / Hutan dan Ladang Hutan) **atau 222105** (Rawatan Hutan) yang pendaftarannya masih berkuat kuasa.

2. CADANGAN SEBUTHARGA

2.1 Penyebutharga hanya dibenarkan menghantar **SATU (1)** cadangan sahaja bagi sebutharga yang ditawarkan.

2.2 Cadangan sebutharga yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup sebutharga. Peti sebutharga ditempatkan di alamat berikut :-

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4 Blok C
Wisma Negeri
70503 SEREMBAN

2.3 Penghantaran dokumen tawaran sebutharga hendaklah tiba di alamat ini sebelum 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga. Kelewatan menghantar dokumen tawaran sebutharga tidak akan dilayan.

2.4 Semua penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya semua syarat ini apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, menyebabkan sebutharga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

2.5 Kos penyertaan sebutharga dan penyediaan dokumen sebutharga adalah ditanggung sendiri oleh penyebutharga. Jabatan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.

3. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutarganya sebelum tamat tempoh

sah Sebutharga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga.

4. TEMPOH KONTRAK

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 12 minggu

5. SPESIFIKASI KERJA

Spesifikasi kerja bagi skop perkhidmatan ini dinyatakan dalam dokumen sebutharga ini.

6. DOKUMEN SEBUT HARGA

Sebutharga hendaklah dibuat di atas borang-borang **ASAL** yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen sebut harga. Dokumen Sebutharga yang lengkap hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

Lampiran Q	
Lampiran A	- Arahan Kepada Penyebutharga
Lampiran B	- Syarat-Syarat Khas
Lampiran C	- Spesifikasi Sebutharga
Lampiran D	- Surat Akuan Pembida
Lampiran E	- Borang Akuan Sebutharga
Lampiran F	- Jadual Tawaran Harga
Lampiran G	- Jadual Pematuhan Spesifikasi
Lampiran H	- Jadual Kadar Keperluan Tenaga dan Kelengkapan
Lampiran I	- Keterangan Mengenai Penyebutharga
Lampiran J	- Pengalaman Syarikat
Lampiran K	- Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan (Kontrak Masih Berkuatkuasa)
Lampiran L	- Maklumat Tambahan
Senarai Semak	

7. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN SEMASA PENGISIAN DOKUMEN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebutharga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebutharga serta dicopkan dengan cop Penyebutharga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

8. PINDAAN DOKUMEN SEBUTHARGA SEBELUM TARIKH TUTUP SEBUTHARGA

Pihak Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup sebutharga meminda dokumen sebutharga dalam menyediakan Addendum. Kerajaan akan

memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang telah membeli dokumen sebutharga.

9. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima sebutharga kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya dipersetujui dalam jangka masa sahlaku sebutharga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

10. CADANGAN HARGA

10.1 Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang disebuthargakan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah sah laku (valid) dalam tempoh 90 hari daripada tempoh sebutharga.

10.2 Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos seperti pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, insurans dan lain-lain yang bersangkutan dengan Perkhidmatan Tanaman di Kawasan Hutan Terosot yang berkaitan.

10.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku sebutharga. Syarikat yang berjaya ditawarkan sebutharga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

11. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

12. WANG CAGARAN (BON PELAKSANAAN)

12.1 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan daripada bank yang berdaftar di Malaysia **bersama-sama** dengan penyerahan Surat Setuju Terima kepada jabatan. (Jika berkaitan)

- 12.2 Nilai Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 2.5% daripada jumlah nilai kontrak setahun (bagi kontrak yang bernilai RM200,000.00 ke atas tetapi tidak melebihi RM500,000.00) dan sebanyak 5% bagi kontrak yang nilainya melebihi RM500,000.00.
- 12.3 Bon Pelaksanaan hendaklah dalam bentuk jaminan bank dari bank berdaftar di Malaysia yang diluluskan. Bagi kontrak yang tidak melebihi RM500,000.00 jaminan insurans dari syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di Malaysia yang diluluskan boleh diterima selain jaminan bank. Bon Pelaksanaan hendaklah sah laku tidak kurang dari dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- 12.4 Penyebutharga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan Kerajaan dikehendaki membayar tuntutan gantirugi sekiranya didapati pihak penyebutharga melanggar syarat-syarat kontrak (breach of contract) dan disabitkan kesalahan.

13. POLISI INSURAN

Syarikat dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengambil polisi insurans yang diperakui iaitu Insurans Tanggungan Awam, Insurans Tanggungan Pampasan Pekerja dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan. Polisi insurans yang diperakui dan resit premium yang telah dibayar hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam masa empat belas (14) hari selepas notis penerima tawaran.

14. KRITERIA PEMILIHAN

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan akan memilih penyebutharga yang dapat menawarkan pakej terbaik dari segi penilaian aspek-aspek berikut:

- a. Latar belakang dan rekod penyebutharga /syarikat
- b. Keupayaan syarikat menyediakan perkhidmatan yang cekap, sistematik dan peka terhadap keperluan Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan
- c. Mempunyai kakitangan yang mencukupi dan peralatan bersesuaian dengan skop/spesifikasi perkhidmatan
- d. Harga tawaran
- e. Kedudukan kewangan syarikat

15. KADAR DENDA

Penyebut Harga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda seperti berikut :

- 15.1 Pihak kontraktor dikehendaki sentiasa mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan/ dikuatkuasakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri,

Negeri Sembilan Darul Khusus. Keputusan pihak Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus adalah MUKTAMAD.

- 15.2 Denda akan dikenakan di atas kelewatan kerja dengan kadar sebanyak 0.025% / hari dari nilai kontrak bermula sejeurus selepas tempoh kontrak berakhir.

Kadar denda per hari = Nilai kontrak x 0.025%

- 15.3 Pihak kontraktor dikehendaki membersihkan dan mengeluarkan sampah sarap daripada kawasan Hutan Simpan Kekal. Jika tidak, undang-undang mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (pindaan 1993) kepada kontraktor akan diambil.

16. SETUJU TERIMA SEBUTHARGA

- 16.1 Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga jua pun. Keputusan Sebutharga adalah muktamad. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari mana-mana penyebutharga berkenaan disebabkan sebutharga mereka tidak berjaya.
- 16.2 Kontrak ini dijangka akan bermula pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima kelak.
- 16.3 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia atau Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

17. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 17.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut dan dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

18. PEMBAYARAN

- 18.1 Bayaran hanya akan dibayar setelah penyebutharga yang berjaya menyiapkan **kerja-kerja dengan sempurna** mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Dokumen yang perlu dilampirkan ketika membuat tuntutan adalah seperti berikut:
- Invois tuntutan
 - Laporan Pengesahan daripada penyelia mengenai kesempurnaan kerja
 - Salinan penyata akaun
 - Salinan Sijil Kementerian Kewangan (yang masih berkuatkuasa)
 - Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) (yang masih berkuatkuasa)

18.2 Kerajaan akan membayar bayaran yang dikemukakan dalam masa empat belas (14) hari selepas menerima dokumen yang lengkap.

19. MENGULANG

Pihak kontraktor dikehendaki mengulang kerja jika kerja tanaman yang dilaksanakan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam **para 6 Spesifikasi Perkhidmatan**. Jika di dapati perkhidmatan yang dilaksanakan masih tidak memuaskan, pihak Jabatan Perhutanan akan mengambil tindakan membatalkan tawaran tersebut.

20. PENAMATAN KONTRAK

20.1 Kontrak ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa dengan syarat satu notis bertulis telah terlebih dahulu diberikan oleh Jabatan dalam masa satu (1) bulan sebelum penguatkuasaannya dan penyebutharga tidak akan bertanggungjawab untuk menjalankan apa-apa arahan yang diberi kepadanya selepas habis tempoh notis tersebut.

20.2 Penamatan kontrak ini tidak akan menjejaskan kewajipan Penyebutharga untuk menjalankan apa-apa arahan yang diberi kepadanya sebelum habis tempoh notis tersebut.

20.3 Jabatan boleh menamatkan kontrak ini secara serta merta :

- i) Dalam masa satu (1) bulan selepas kontrak ini berkuatkuasa, jika Penyebutharga gagal memberi perkhidmatan yang ditetapkan.
- ii) Jika Penyebutharga telah didapati gagal melaksanakan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dengan memuaskan mengikut penilaian Pengarah JPNS atau wakil.
- iii) Sekiranya tidak berkemampuan untuk meneruskan kontrak ini dan/ atau telah menjadi muflis.
- iv) Jika didapati berlaku perlanggaran mana-mana peruntukan kontrak ini oleh Penyebutharga.
- v) Penyebutharga adalah sebuah syarikat yang mana satu perintah penggulungan telah dibuat terhadapnya oleh mahkamah.
- vi) Penyebutharga menyerah kontrak untuk dilaksanakan oleh kontraktor lain.

Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan kontrak di atas tidak akan menjejaskan sebarang hak atau remedi yang terakru kepada Jabatan.

21. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Jabatan dengan Penyebutharga yang berjaya mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya

dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Jabatan dengan Penyebutharga yang berjaya, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Jabatan dan seorang oleh Penyebutharga yang berjaya. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

22. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh Jabatan terlebih dahulu.

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4 Blok C
Wisma Negeri
70503 SEREMBAN

SYARAT – SYARAT AM

NO. TAWARAN: PHN.NS.SH 4-2022

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebut Harga apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

Kontraktor/Syarikat yang menyertai Sebut Harga ini mestilah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan**, dalam bidang Perkhidmatan Tanaman Hutan Terosot di bawah **Kod Bidang 222104 atau 222105**. Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga. Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan/pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat.

2 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Tempoh sahlaku Sebut Harga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup.

3 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

Kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab – sebab Penyebut Harga tidak berjaya.

4 TANGGUNGJAWAB JABATAN:

- 4.1 Menyediakan pelan kawasan kerja (skala 1:5000) yang menunjukkan sempadan kawasan kerja.
- 4.2 Penyeliaan, pengawasan dan penilaian kerja akan dijalankan oleh pihak Jabatan dari masa ke semasa.
- 4.3 Arahan secara bertulis/lisan mengenai peraturan dan pelaksanaan kerja mengikut syarat-syarat dan spesifikasi kerja akan diberi setiap kali lawatan dibuat.
- 4.4 Pihak Jabatan akan menunjukan dan menentukan kedudukan Pusat Ikatan

5 Tanggungjawab Kontrak:

- 5.1 Kontrak dikehendaki mengemukakan jadual kerja dalam tempoh 7 hari dari tarikh pengambilan tapak (site possession) sebelum melaksanakan kerja.
- 5.2 Pihak Kontraktor dikehendaki menyediakan **buku lawatan** di tempat perkhemahan untuk tujuan menerima arahan atau kenyataan bertulis oleh pihak Jabatan selepas lawatan / pemeriksaan dijalankan.
- 5.3 Pihak Kontraktor dikehendaki menyediakan segala kemudahan termasuk tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak Jabatan bagi perkara yang berkaitan dengan pengawasan, penyediaan dan penilaian kerja.
- 5.4 Pihak kontrak adalah bertanggungjawab memohon **Permit Memasuki Hutan** Simpan daripada Pegawai Hutan Daerah yang berkaitan.
- 5.5 Pihak Kontraktor juga dikehendaki memberitahu pihak Jabatan tempat perkhemahan pekerjaanya atau tempat yang boleh dihubungi.
- 5.6 Pihak Kontraktor dikehendaki membuang sampah sarap di tempat yang sesuai dan memastikan keadaanya bersih apabila meninggalkan tempat perkhemahan.
- 5.7 Pihak Kontraktor dikehendaki menyediakan semua peralatan kerja, alat perkhemahan dan pengangkutan yang mencukupi dan sempurna bagi pekerja-pekerja mereka dan segala tanggungan dibiayai oleh kontrak sendiri. Pihak Jabatan mempunyai kuasa untuk memberhentikan kerja-kerja operasi jika perkara-perkara ini tidak memuaskan.
- 5.8 Pihak kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja tidak merosakkan isi kandungan hutan selain daripada yang perlu diracun, mencemarkan aliran air/sungai dipertanggungjawabkan dan tindakan undang-undang akan diambil mengikut Undang-Undang berkaitan yang sedang berkuatkuasa.
- 5.9 Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas segala bentuk kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerja mereka.
- 5.10 Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab membina / menyelenggara jalan masuk ke kawasan kerja dan segala perbelanjaan berhubung dengan perkara ini adalah menjadi tanggungan pihak kontraktor.
- 5.11 Kontraktor atau wakilnya dikehendaki hadir ketika pemeriksaan / penilaian kerja dijalankan oleh pihak Jabatan. Wakil yang dilantik perlu mempunyai surat cara perlantikan yang perlu dikemukakan ke Pegawai Penguasa atau wakilnya dua (2) minggu sebelum penilaian / pemeriksaan kerja dibuat.

- 5.12 Kontraktor dikehendaki mengadakan bilangan pekerja yang mencukupi yang terdiri daripada pekerja tempatan atau pekerja luar negara yang sah dan masih berkuatkuasa Permit Kerjanya sahaja. Pihak Jabatan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa tindakan dan / atau tuntutan sekiranya kontraktor mengambil pekerja luar negara tanpa ada sebarang dokumen berkaitan.
- 5.13 Sekiranya ulangan kerja kali ke-2 diperlukan, pihak kontraktor akan dipertanggungjawabkan di dalam kos penilaian kawasan yang dijalankan oleh pihak Jabatan dan kos tersebut akan ditolak apabila dibuat pembayaran.
- 5.14 Sekiranya pihak kontraktor tidak dapat siapkan dalam tempoh yang ditetapkan, pihak kontraktor boleh memohon secara bertulis kepada pihak Jabatan. Pegawai Penguasa boleh memberi pertimbangan untuk melanjutkan tempoh tidak melebihi satu bulan (30 hari) sahaja. Denda akan dikenakan di atas kelewatan kerja dengan kadar sebanyak **RM 30.00** sehari bermula sejurus selepas tempoh kontrak berakhir.

6. Pemantauan

Pemantauan akan dijalankan oleh Seksyen Sivilkultur dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan.

7. Tempoh Kontrak

Semua operasi mestilah disiapkan dalam tempoh **12 minggu dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani.**

**SPESIFIKASI PERKHIDMATAN
TANAMAN KAWASAN HUTAN TEROSOT
DI KOMPARTMEN 2, HS GEMAS SELATAN SELUAS ±2.0HA
NO. TAWARAN: PHN.NS.SH 4-2022**

1.0 KEDUDUKAN KAWASAN

- 1.1 Kedudukan kawasan kerja tanaman kawasan hutan terosot adalah di **Kompartmen 2, HS Gemas Selatan ±2.0 hektar.**
- 1.2 Pelan kawasan adalah seperti di **Lampiran 1.**

2.0 MENYEDIA DAN MEMASANG PAPAN KENYATAAN PROJEK

- 2.1 Pihak Kontraktor dikehendaki menyediakan dan memasang sejumlah satu (1) unit Papan Kenyataan Projek bersaiz 1.5m x 1.0m dan di pasang seunit setiap satu blok/kompartmen. Papan Kenyataan Projek diperbuat daripada bahan Aluminium Komposit.
- 2.2 Lakaran teknik dan maklumat yang perlu dinyatakan dalam Papan Kenyataan Projek adalah seperti di **Rajah I** di **Lampiran 2**. Lokasi kedudukan papan tanda akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa.

3.0 MEMBEKAL DAN PENGURUSAN BAHAN TANAMAN

- 3.1 Pihak kontraktor perlu membekalkan anak pokok hutan seperti mana dinyatakan di Jadual 1 di **Lampiran 3**. Sekiranya spesies anak pokok tersebut tidak dapat diperolehi/mencukupi, kontraktor boleh membuat permohonan dengan Jabatan untuk menukar spesies lain dalam kategori Dipterokarpa yang lain.
- 3.2 Pemilihan anak pokok untuk dibawa ke tapak tanaman hendaklah :
 - i. Telah menjalani proses pengerasan,
 - ii. Telah mencapai ketinggian antara **60 cm - 90 cm** (termasuk ketinggian tabung);
 - iii. Anak pokok yang patah batang, tidak subur dan kecacatan yang ketara tidak akan diterima;
 - iv. Mempunyai batang yang lurus dan pucuk unjur tunggal;
 - v. Kenderaan yang mengangkut anak benih perlu ditutup secukupnya dan pengangkutan hendaklah dilakukan **sebelum 9 pagi atau selepas 5 petang** untuk mengelak kecacatan pada anak pokok.

- vi. Anak pokok perlu disiram secukupnya sebelum dibawa ke tapak tanaman. Di tapak tanaman anak pokok tersebut hendaklah ditempatkan di bawah teduhan dan disiram setiap hari sebelum ditanam; dan
- vii. Sebelum kerja-kerja tanaman dilakukan, pihak kontraktor perlu memaklumkan kepada pihak Jabatan untuk semakan anak pokok yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi ditetapkan.

4.0 PENYEDIAAN SEMPADAN BLOK TANAMAN

- 4.1 Penyediaan sempadan **blok tanaman** perlu dibuat dengan **membersih** sekurang-kurangnya **1.0 meter lebar** dan semua tumbuh-tumbuhan yang berukuran kurang daripada 10 cm diameter hendaklah ditebang rapat ke tanah, **kecuali** pokok-pokok spesies berpasaran atau bermutu tinggi seperti Meranti Tembaga (*Shorea leprosula*), Meranti Sarang Punai (*S. parvifolia*), Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*) dan lain-lain spesies daripada kaum Dipterokarpa.
- 4.2 **Pancang** sempadan blok tanaman perlu disediakan dengan menggunakan pancang kayu 50mm dengan jarak **20 meter** setiap pancang. Contoh pancang sempadan blok tanaman adalah seperti mana di **Rajah II di Lampiran 4**.

5.0 PEMBERSIHAN TAPAK TANAMAN

- 5.2 Kontraktor hendaklah membersihkan tapak tanaman menggunakan jentera bagi memastikan tapak tanaman sedia untuk ditanam. Pembersihan tapak tanaman melibatkan aktiviti membersihkan serta menolak semak samun seluas **5 ha**. Sampah dari pembersihan tapak tanaman hendaklah diletakkan atau ditempatkan secara teratur dan tidak berselerak.
- 5.3 Pembersihan tapak tanaman akan diterangkan semasa taklimat dan lawatan tapak yang diadakan serta arahan dari masa ke semasa.

6.0 PENANAMAN POKOK

- 6.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan penanaman pokok di kawasan seluas lebih kurang **2 ha**. Kontraktor hendaklah memastikan penanaman pokok dilaksanakan dengan mengikut kaedah dan prosedur yang betul.
- 6.2 Penyediaan dan penandaan Garis Tapak, Baris Tanaman dan Lubang Tanaman

- 6.2.1 Pusat ikatan dan kelarian garis tapak serta baris tanaman akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 6.2.2 Kelarian garis tapak ialah dari Utara ke Selatan atau mengikut persetujuan Pegawai Penguasa. Penyediaan **garis tapak** dan **barisan tanaman** bagi setiap blok perlu dibuat dengan merintis sekurang- kurangnya **1.0 meter lebar** dan semua tumbuh-tumbuhan yang berukuran kurang daripada 10 cm diameter hendaklah ditebang rapat ke tanah, **kecuali** pokok-pokok spesies berpasaran atau bermutu tinggi seperti Meranti Tembaga (*Shorea leprosula*), Meranti Sarang Punai (*S. parvifolia*), Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*) dan lain-lain spesies daripada kaum Dipterokarpa.
- 6.2.3 **Garis tapak** hendaklah disediakan pada permulaan garis tapak dan tamat garis tapak. Pancang garis tapak hendaklah ditanda dengan menggunakan pancang kayu dan bahagian atasnya **dicat merah**. Contoh **pancang garis tapak** adalah seperti mana di **Rajah III di Lampiran 5**.
- 6.2.4 **Barisan tanaman** hendaklah dibuat dan mestilah bersudut **90°** dengan **GT** atau mengikut arah Timur ke Barat. Penandaan **barisan tanaman** hendaklah disediakan sepanjang kelarian garis tapak dengan menggunakan kayu dan bahagian atasnya **dicat kuning**. Contoh pancang **barisan tanaman** adalah seperti mana di **Rajah IV di Lampiran 6**. Jarak di antara setiap pancang baris tanaman adalah 10 meter.
- 6.2.5 Jarak tanaman adalah 10 meter x 10 meter. Selepas merintis dan perbersihan dilakukan, kontraktor perlu menanda **lubang tanaman** dengan jarak **10 meter** setiap lubang dan di setiap baris tanaman. Jarak lubang tanaman pertama dengan garis tapak adalah 5 meter dan jarak lubang tanaman pertama dengan lubang tanaman seterusnya adalah **10 meter**. Contoh penandaan lubang tanaman adalah seperti **di Rajah V di Lampiran 7**. Penandaan lubang tanaman menggunakan pancang kayu berukuran 1.2 meter tinggi dan lebar lebih kurang 2.0 cm yang bahagian atasnya **dicat biru**. Contoh pancang **lubang tanaman** adalah seperti mana di **Rajah V di Lampiran 8**.
- 6.3 Peraturan penanaman pokok
- 6.3.1 Spesies dan bilangan pokok yang perlu ditanam ditentukan oleh Jabatan sepertimana di **Lampiran 3**.

- 6.3.2 Lubang tanaman disediakan di tapak yang telah ditanda dengan pancang kayu. Selepas lubang disediakan, pancang kayu hendaklah dipacak semula bersebelahan lubang tanaman yang disediakan.
- 6.3.3 Minimum saiz ukuran **lubang tanaman** adalah **dua (2) kali ganda diameter** tabung dengan kedalaman sesuai mengikut ketinggian tabung iaitu paras tanah dalam tabung sama dengan paras tanah tepi lubang tanaman atau mengikut kesesuaian berdasarkan saiz tabung anak pokok.
- 6.3.4 Sebelum penanaman, baja jenis **Rock Phosphate** hendaklah ditabur ke dalam lubang tanaman (lebih kurang **50gm** selubang).
- 6.3.5 Sekiranya lubang tanaman tidak dapat disediakan di tapak yang ditanda kerana terdapat halangan seperti akar, batu atau lain-lain, lubang tanaman boleh diubah sebaik-baiknya tidak melebihi 1 meter ke kanan baris tanaman.
- 6.3.6 Tabung hendaklah ditanggalkan dengan berhati-hati supaya media tabung tidak relai sebelum anak benih ditanam.
- 6.3.7 Anak pokok hendaklah dimasukkan ke dalam lubang tanaman dengan cermat dan kemudian ditimbuskan semula dengan sempurna padatnya menggunakan tanah lubang tanaman yang digali. Setiap anak pokok yang telah ditanam hendaklah ditanda dengan **tag putih** dengan menulis spesies pokok yang ditanam pada tag tersebut. Contoh tag pokok adalah seperti di **Lampiran 9**.
- 6.3.8 Bekas tabung hendaklah **dibawa keluar** daripada kawasan tanaman dan dilupuskan dengan tatacara sepatutnya.
- 6.3.9 Aktiviti menanam hendaklah dijalankan pada musim hujan. Jika tiada hujan selama tiga (3) hari berturut-turut, penanaman tidak boleh diteruskan dan kerja-kerja menyiram pokok yang telah ditanam hendaklah dilaksanakan.
- 6.3.10 Penanaman Kontraktor perlu merekodkan maklumat tanaman menggunakan **Borang Tanaman** seperti di **Lampiran 10**. Maklumat bancian ini perlu disediakan menggunakan **Microsoft Excel**.
- 6.3.11 Semua rekod tanaman perlu direkodkan dengan kemas dan baik. **Laporan Siap Kerja** perlu dibekalkan beserta maklumat **Borang Tanaman** dan dibekalkan kepada **Jabatan** dalam bentuk **hardcopy** dan **softcopy**. Contoh Laporan Siap Kerja adalah seperti di **Lampiran 11**.

PELAN KAWASAN


Pelan dilampirkan bersekali. Mohon muat turun daripada laman web Jabatan bersekali

SPESIFIKASI PAPAN KENYATAAN PROJEK

1. Kontraktor dikehendaki memasang sebuah papan kenyataan yang diperbuat daripada plet aliminium yang mempunyai ketebalan sekurang – kurangnya **2mm** dan berukuran **1.5m x 1m** dengan **ketinggian 2.5** meter di atas sempadan garisan asas. Tiang papan tanda juga hendaklah diperbuat daripada besi dengan diameter sekurang – kurangnya 10 cm. Segala tulisan hendaklah ditulis dengan **warna hitam** dan menyatakan butiran berikut.
 - (a) NamaKontraktor/Syarikat :
 - (b) No.Tawaran : **PHN.NS.SH 4-2022**
 - (c) Kawasan Kerja
 - (i) Nama Hutan Simpan : Gemas Selatan
 - (ii) No Kompartmen : 2
 - (iii)Daerah Hutan : Negeri Sembilan Barat.
 - (iv)Luas : ±2.0ha
 - (d) Tarikh Mula Kerja :
 - Tarikh Siap Kerja :
 - (e) Jangka masa siap kerja :Minggu

2. Papan kenyataan kerja ini hendaklah dipasang setinggi 2.5m ditepi sempadan di jalan masuk utama kawasan kerja. (Rajah 1)


RAJAH I: CONTOH PAPAN KENYATAAN PROJEK




JADUAL I: BEKALAN ANAK BENIH HUTAN

NO	NAMA TEMPATAN	NAMA SAINTIFIK	BILANGAN ANAK POKOK
1	Merawan siput jantan	<i>Hopea odorata</i>	1,000
2	Meranti tembaga	<i>Shorea leprosula</i>	1,000
		JUMLAH	2,000


RAJAH II: CONTOH PANCANG TANDA SEMPADAN




RAJAH III: CONTOH PANCANG PERMULAAN DAN TAMAT GARIS TAPAK




RAJAH IV: CONTOH PANCANG BAGI BARIS TANAMAN



RAJAH V: PELAN LUBANG TANAMAN




RAJAH VI: CONTOH PANCANG BAGI LUBANG TANAMAN



BEKALAN & PEMASANGAN TAG PADA ANAK POKOK

Setiap anak benih yang ditanam hendaklah dipasang dengan tag bagi memudahkan pengiraan dan mengenalpasti spesies. Spesifikasi tag tanda pokok seperti :-

- i. **Tag plastik kalis air** dengan saiz **210mm x 20mm**,
- ii. Tahan terhadap faktor cuaca dan **berwarna putih**,
- iii. Dipasang pada pangkal anak benih dengan kemas tanpa merosakkan kulit anak pokok, dan
- iv. Tag ditulis dengan **nama spesies dan bilangan anak benih pokok** dengan *marker* hitam berdakwat kekal/pensel.



BORANG TANAMAN DAN SULAMAN POKOK DI KAWASAN HUTAN TEROSOT

Negeri : **Kompartmen** :
Daerah Hutan : **Hutan Simpan** :
Keluasan (Ha) :
Tarikh : **Tarikh Sulaman** :
Penanaman

Penanaman			Status Pokok Berdasarkan Bancian Selepas 4 Minggu Penanaman (Hidup / Mati)	Spesies Disulam
No. Baris Tanaman	No. Pokok	Spesies Ditanam		

Pengesahan oleh Pihak Kontraktor

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Tandatangan :
Tarikh :

**LAPORAN SIAP KERJA PENANAMAN POKOK HUTAN
DI KAWASAN HUTAN TEROSOT (SECARA KONTRAK)**

1.0 MAKLUMAT ASAS

- i. No.Tawaran :
- ii. Harga Tawaran (RM) :
- iii. Daerah Hutan :
- iv. Hutan Simpan :
- v. No. Kompartmen/Subkompartmen :
- vi. Luas Kompartmen/Subkompartmen : ha
- vii. Nombor Blok Tanaman Kawasan Lapang :
- viii. Luas Blok Tanaman Kawasan Lapang :ha

2.0 TEMPOH PELAKSANAAN KERJA

- i. Tarikh Milik Tapak :
- ii. Tarikh Mula Kerja :
- iii. Tarikh Siap Kerja :

3.0 PAPAN TANDA

Bilangan Dipasang :Tidak Berkaitan.....

4.0 SEMPADAN BLOK TANAMAN KAWASAN TEROSOT

- i. Jumlah jarak sempadan ditanda : meter
- ii. Jumlah jarak sempadan dibersih : Meter

5.0 MAKLUMAT TANAMAN

- i. Jumlah Baris Tanaman :
- ii. Jarak Tanaman : Meter
- iii. Spesies Ditanam :
 - a) Jenis : Bilangan : pokok
 - b) Jenis : Bilangan : pokok
 - c) Jenis : Bilangan : pokok

- d) Jenis : Bilangan : pokok
- e) Jenis : Bilangan : pokok
- Jumlah : pokok

iv. Tapak Lubang Tanaman :

- a) Jumlah Tapak :
- b) Jumlah Tapak yang Ditanam :
- c) Tapak Yang Tidak Sesuai Ditanam :

6.0 PERKARA-PERKARA LAIN (nyatakan)

.....

7.0 PERAKUAN KONTRAKTOR

7.1 Dengan ini saya
 mengaku bahawa saya/syarikat saya telah menyiapkan kerja-kerja
 Tanaman Kawasan Hutan Terosot seperti maklumat di atas dengan
 sempurna mengikut syarat dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan
 oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

7.2 Bersama ini disertakan tiga (3) Salinan Pelan Kawasan Tanaman

Tandatangan :

Nama Kontraktor :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

.....

(Cop Rasmi Syarikat)

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA: PHN.NS.SH 4-2022

PERKHIDMATAN TANAMAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI KOMPARTMEN 2, HS GEMAS SELATAN SELUAS ±2.0HA

Saya,.....nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

BORANG AKUAN SEBUTHARGA

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4 Blok C
Wisma Negeri
70503 SEREMBAN

Tuan,

PHN.NS.SH 4-2022 - PERKHIDMATAN TANAMAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI KOMPARTMEN 2, HS GEMAS SELATAN SELUAS ±2.0HA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Syarikat _____ mengesahkan mengambil bahagian dalam **sebutharga PHN.NS.SH 4-2022 - Perkhidmatan Tanaman Kawasan Hutan Terosot di Kompartmen 2, HS Gemas Selatan seluas ±2.0ha.**
3. Syarikat sebagai penyebutharga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebutharga, kontrak dan penentuan kerja yang terkandung dalam dokumen sebutharga. Syarikat telah memahami bahawa Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) berhak menerima atau menolak sebutharga ini sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dalam harga tawaran lain.
4. Syarikat bersetuju bahawa sebutharga yang ditawarkan ini laku (valid) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada tawaran ini.
5. Selanjutnya sekiranya syarikat ini diterima, syarikat akan mengikat suatu kontrak serta memberi Bon Pelaksanaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) jika berkaitan.
6. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas perkhidmatan yang diberikan kepada Jabatan setelah perkhidmatan tersebut disahkan oleh pihak Jabatan.
7. Kami yang bertandatangan di bawah ini setelah meneliti dan menyemak segala dokumen sebutharga serta syarat dan peraturan seperti yang dinyatakan adalah dengan ini bersetuju mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak JPNS dengan

Jumlah Keseluruhan **RM**..... selama **8 minggu** .

(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia)

.....
.....
.....

* (Harga yang dinyatakan hendaklah sama seperti di **Lampiran F [Jadual Tawaran Harga]**). Butir-butir lanjut mengenai sebutharga ini adalah seperti yang dinyatakan di Ringkasan Sebutharga.

(Tandatangan Orang yang diberi Kuasa)

Nama : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat

Nama Saksi : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

Tandatangan Saksi

JADUAL TAWARAN HARGA

PERKHIDMATAN TANAMAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI KOMPARTMEN 2, HS GEMAS SELATAN SELUAS ±2.0HA

NO.SEBUTHARGA : PHN.NS.SH 4-2022

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT/ KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1.	<p>Umum /kerja-kerja Permulaan Semua kontraktor perlu mengambilkira kos upah termasuk kos penggunaan buruh/jentera/loji dan lain-lain kelengkapan dalam menentukan harga.</p> <p>Menyediakan polisi insurans pekerja dan polisi insurans tanggungan awam</p> <p>Penyediaan dan penyerahan laporan dan gambar progress kerja (sebelum, semasa dan selepas) sepertimana yang diperlukan.</p>	Pukal	Pukal	
2.	<p>Membekal dan memasang papan tanda</p> <ul style="list-style-type: none"> - Aluminium komposit - Saiz 1.5m x 1m - Tinggi 2.5m - Tebal 2mm 	1 papan tanda		
3.	<p>Pembekalan Bahan Tanaman</p>			
	i. Merawan siput jantan	1,000		
	ii. Meranti tembaga	1,000		
4.	<p>Penyediaan Sempadan Blok Tanaman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mencuci sempadan blok tanaman ii. Memasang pancang tanda sempadan blok tanaman 	930 m		
5.	<p>Pembersihan Tapak Tanaman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membersihkan tapak tanaman menggunakan jentera ii. Mengumpul dan menempatkan sampah dan saki baki kayu dengan tersusun 	5		
6.	<p>Penanaman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan dan menanda garis tapak ii. Menyediakan dan menanda barisan tanaman iii. Menyediakan dan menanda lubang tanaman iv. Menanam pokok v. Membekal dan menabur baja Rock Phosphate untuk setiap pokok tanaman 	2		

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT/ KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
7.	Tag Tanda Pokok			
	i. Membekal dan memasang tag tanda pokok	2,000		
JUMLAH				

Tempoh menyiapkan semua butiran kerja yang ditawarkan minggu.
(tempoh yang ditetapkan oleh jabatan ialah 12 minggu)

Pengesahan Syarikat:

.....
(Nama dan cop syarikat)

PEMATUHAN KEPADA SYARAT – SYARAT KHAS

BIL	SYARAT – SYARAT KHAS	PEMATUHAN	
		SETUJU	TIDAK
1	Pemeriksaan lapangan dijalankan dari masa ke semasa selepas SST dikeluarkan		
2	Pemeriksaan 100% akan dilakukan terhadap <ul style="list-style-type: none"> • Kesempurnaan mencuci sempadan blok • Kesempurnaan menanda dan mencuci baris tanaman • Penilaian setiap pokok yang ditanam 		
3	Selain daripada peratusan kehidupan dan kematian, kerja-kerja selainnya hendaklah 100% sempurna		
4	Peratusan kehidupan hendaklah melebihi atau sama dengan 80%, manakala kematian tidak melebihi 20%		

Pengesahan Syarikat:

.....
(Nama dan cop syarikat)

JADUAL KADAR KEPERLUAN TENAGA DAN KELENGKAPAN**NO. TAWARAN: PHN.NS.SH 4/2022**

1. Untuk tujuan menentukan kecukupan tenaga pekerja dan alat-alatan kelengkapan untuk tiap-tiap jenis kerja, garis panduan yang harus diikuti adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Kerja	Tenaga Kerja	Kelengkapan
a.	Menanda dan mencuci sempadan blok	3 orang	<ul style="list-style-type: none"> • 2 Kompas • 3 Pita ukur,cat merah,biru dan kuning • 3 bilah parang • Pensil/markerpen secukupnya
b.	Memasang pancang dan Menyediakan lubang tanaman	5 orang	Patuhi arahan spesifikasi
c.	Menanam, membaja dan menyulam pokok	5 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Anak benih secukupnya • Penggali secukupnya • Pengangkut anak benih • Baja
d.	Membekal anak benih	-	Patuhi arahan spesifikasi

2. Pihak Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan kerja, alat perkhemahan dan pengangkutan yang mencukupi dan sempurna bagi pekerja-pekerja mereka dan segala tanggungan dibiayai oleh kontraktor sendiri

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:
(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat :

ii. Cawangan :

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Telefon Bimbit : _____

iii. Fax : _____

iv. Cawangan : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN:

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____

(Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga : _____

4.2. Taraf Penyebut Harga: *Bumiputra/Bukan Bumiputra

(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. MODAL PENYEBUT HARGA: (Isi mana yang berkenaan sahaja)

5.1. Perseorangan/Perkongsian : RM _____

5.2. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :

5.2.1. Modal Dibenar : RM _____

5.2.2. Modal Dibayar : RM _____

6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

6.1. Perseorangan:

Nama Pemilik: _____

No. K/P: _____

6.2. Perkongsian:

Nama Pekongsi	No. K/Pengenalan	% Kongsian

6.3. Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. K/Pengenalan	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

7. PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR
(Dis 2021, Jan 2022 dan Feb 2022)

Baki Akaun Bank Tertinggi :

Baki Akaun Bank Terendah :

Penyata Bank mulai : _____ hingga _____

Nilai Aset Semasa :

Nilai Liabiliti Semasa :

**** PENYEBUT HARGA WAJIB** menyertakan **PENYATA KEWANGAN** untuk 3 bulan. Kegagalan menyertakan dokumen berkenaan akan menyebabkan Sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

8. MAKLUMAT PEKERJA/KAKITANGAN

Pekerja yang memiliki sijil pengawas hutan (fortrain) dan mempunyai pengalaman dalam pengecaman spesies pokok untuk menjamin kesempurnaan dan kelicinan kerja-kerja rawatan. Sila sertakan salinan sijil untuk pengesahan.

Nama Pekerja	No. K/Pengenalan	Jenis Sijil

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

PENGALAMAN SYARIKAT

Senarai Pengalaman Dalam Perkhidmatan Tanaman di Kawasan Hutan Terosot

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

**KERJA-KERJA SEMASA YANG SEDANG DIJALANKAN
(Kontrak Masih Berkuatkuasa)**

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

**MAKLUMAT TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN YANG AKAN
DITAWARKAN (Jika ada/berkaitan)**

1.
.....
.....
2.
.....
.....
3.
.....
.....
4.
.....
.....

SENARAI SEMAK

Sila Tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga	
			Pengerusi	Ahli
1	Lampiran Q			
2	Lampiran A - Arahan Kepada Penyebutharga			
3	Lampiran B - Syarat-Syarat Khas			
4	Lampiran C - Spesifikasi Sebutharga			
5	Lampiran D - Surat Akuan Pembida			
6	Lampiran E - Borang Akuan Sebutharga			
7	Lampiran F - Jadual Tawaran Harga			
8	Lampiran G - Pematuhan Spesifikasi			
9	Lampiran H - Jadual Kadar Keperluan Tenaga Dan Kelengkapan			
10	Lampiran I - Keterangan Mengenai Penyebutharga			
11	Lampiran J - Pengalaman Syarikat			
12	Lampiran K - Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan			
13	Lampiran L - Maklumat tambahan			
14	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia (kod bidang 222104 atau 222105)			
15	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Jika berkaitan)			
16	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)			
17	Salinan Penyata Akaun bank untuk 3 bulan terkini (Dis 2021, Jan 2022 dan Feb 2022)			
18	Bukti Pendaftaran Kontraktor dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan			
19	Salinan Slip Pembayaran dokumen sebutharga			

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).

Tandatangan (1):

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan (2):

Nama:

Jawatan:

Tarikh:



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**